

SKBP

OBJEKTIF PELAJARAN

Melalui jurnal pendek ini, murid dapat :

1. Menyatakan secara lisan tiga sumbangan Professor Diraja Dr. Ungku Aziz kepada negara.
2. Membaca kuat teks jurnal pada kadar sekurang-kurangnya 90 peratus sebutan betul.
3. Mengambil imlak sekurang-kurangnya lima isi tentang pencapaian pendidikan Professor Diraja Dr. Ungku Aziz.

TUGASAN

1. Baca kuat teks jurnal ini dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Nyatakan tiga sumbangan Professor Diraja Dr. Ungku Aziz kepada negara?
3. Catat lima isi penting tentang pencapaian pendidikan Professor Diraja Dr. Ungku Aziz.

JURNAL PENDEK

JILID 1 ISU 1

29 APRIL 2008

Professor Diraja Dr. Ungku Aziz



Biodata diri

YM. Professor Diraja Tun Dr. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid

(28 Januari 1922 -) merupakan seorang tokoh yang paling disegani terutamanya dalam bidang pendidikan dan seorang ahli ekonomi yang banyak menyumbang idea kepada agama, bangsa dan negara. Ia juga memenangi Hadiah Budaya Asia Fukuoka IV. 1993. Beliau dilahirkan di London pada 28 Januari 1922, merupakan keturunan diraja Johor. Bapanya Ungku Abdul Hamid bin Ungku Abdul Majid merupakan seorang Leftenan dalam pasukan tentera Timbalan Setia Negeri Johor (JVC). Ibunya bernama Hamidah bte Abdullah. Beliau telah berkahwin dengan Sharifah Azah Aziz dan telah dikurniakan seorang anak perempuan iaitu Y.M. Tan Sri Dato' Ungku Dr. Zeti Akhtar, Gabenor Bank Negara Malaysia sekarang.

Pendidikan

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Pahat, kemudian menyambung pengajiannya di Raffles College kemudiannya Universiti Malaya Singapura dan mendapat ijazah pada 1951. Kemudian pada 1964, beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi di Waseda University, Tokyo.

Pada tahun 1961-1965, beliau telah dilantik sebagai Professor dan Dekan di Fakulti Ekonomi di Universiti Malaya. Kemudian dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya dari 1968 hingga 1988 dan berkhidmat selama 20 tahun di sana.

Sumbangan

Beliau telah dianugerahkan gelaran **Professor Diraja** pada 17 Jun 1978.

Antara sumbangan utama Ungku Aziz kepada negara ialah: -

- Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membantu bumiputera menikmati agihan kekayaan negara serta Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II.
- Pencetus idea penubuhan
 - * Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LTH)
 - * Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
 - * Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad
 - * Akademi Islam, Pusat Asasi Sains dan Pekan Buku di Universiti Malaya.

Dipetik daripada:

http://ms.wikipedia.org/wiki/Ungku_Aziz